

DIPLOMA PROGRAMME  
PROGRAMME DU DIPLÔME  
PROGRAMA DEL DIPLOMA

**Malay – Malais – Malayo**

*Ab Initio*

Language-Specific Syllabus  
Programme Spécifique  
Programa de Estudios Específico



INTERNATIONAL BACCALAUREATE  
BACCALAURÉAT INTERNATIONAL  
BACHILLERATO INTERNACIONAL

*Language ab initio – Langue ab initio – Lengua ab initio*

*August 2002 – Août 2002 – Agosto de 2002*

For first examinations in 2004

Premiers examens en 2004

Primeros exámenes en 2004

© International Baccalaureate Organization 2002

Organisation du Baccalauréat International  
Route des Morillons 15  
Grand-Saconnex / Genève  
CH-1218  
SWITZERLAND

# KANDUNGAN

---

	Halaman
PENDAHULUAN	1
KOSA KATA 1	2
Individu	2
Pendidikan dan kerja	3
Bandar dan perkhidmatan	4
Makanan dan minuman	5
Masa senggang/lapang dan perjalanan	6
Alam persekitaran	7
Kesihatan dan kecemasan	8
KOSA KATA 2	9
SUKATAN TATABAHASA	13
ISU KHUSUS BAHASA	18
ARAHAN PEPERIKSAAN	19



# PENDAHULUAN

---

Situasi komunikatif serta tajuk-tajuk yang tersenarai dalam panduan *ab initio* di bawah tajuk Teks (Perincian Sukatan) membentuk aras kursus *ab initio*.

Sukatan khusus bahasa menggaris dan mendefinisikan kosa kata dan unsur-unsur tatabahasa yang diperlukan oleh pelajar bagi mencapai objektif bahasa *ab initio*.

Panduan khusus bahasa terbahagi kepada bahagian-bahagian berikut:

- Panduan kosa kata
- Sukatan tatabahasa
- Isu khusus bahasa
- Arahan peperiksaan

## Panduan kosa kata

Panduan kosa kata memberi petunjuk kepada jenis kosa kata yang dapat membantu pelajar-pelajar berkomunikasi dalam situasi seharian. Ia terbahagi kepada dua bahagian iaitu: kosa kata 1 dan kosa kata 2.

**Kosa Kata 1**, menyediakan sampel kosa kata untuk setiap tajuk dan subtajuk dalam sukatan teras. Contoh-contoh yang diberi meliputi bidang kosa kata yang luas yang perlu diajar bagi membolehkan pelajar memenuhi fungsi komunikatif yang berkaitan dengan setiap tajuk. Di samping itu, ia boleh menjadi titik permulaan kepada guru-guru bagi memilih kosa kata yang dapat memenuhi minat dan keperluan pelajar.

**Kosa Kata 2**, menyediakan kosa kata tambahan (senarai kata hubung, kata depan, dll) serta memasukkan butir-butir penting yang disenaraikan mengikut jenis (kata bantu, kata bilangan, dll). Sesetengah perkataan dalam bahagian ini mungkin telah muncul dalam kosa kata 1.

## Sukatan Tatabahasa

Bahagian ini mengandungi unsur tatabahasa yang diperlukan oleh calon-calon untuk berkomunikasi dalam situasi seharian serta melaksanakan tugas-tugas penulisan dan lisan mereka.

Pengajian tatabahasa mestilah disepadukan dalam kursus.

## Isu khusus bahasa

Bahagian ini mengandungi maklumat yang relevan untuk pengajaran setiap unsur bahasa.

## Arahan peperiksaan

Bahagian ini mengandungi pilihan arahan yang digunakan dalam peperiksaan. Arahan-arahan ini bukanlah senarai yang lengkap, ia boleh diubahsuai mengikut keperluan peperiksaan.

# KOSA KATA I

## Kosa Kata Yang Dicadangkan

### Individu

#### MAKLUMAT PERIBADI

Butiran peribadi dan alamat	nama, umur, jantina; status diri (bujang); warganegara; jalan, bandar...; nombor telefon...
Orang dan kumpulan	kanak-kanak, kawan...; mesyuarat, syarikat...
Keluarga	sanak-saudara (emak, bapa mentua, anak tunggal...); perayaan (hari lahir, perkahwinan...)
Sapaan	helo, apa khabar?, baik...

#### RUPA DAN PERWATAKAN/PERIBADI

Ciri-ciri jasmani	tinggi...; muka (mata...); warna...; rambut (panjang...); berat badan...
Pakaian	kemeja, seluar...; pakai...; pakaian biasa, berjalus...
Watak	ramah, becok...
Perasaan	berharap...; riang...; senyum/tersenyum

#### KEADAAN RUMAH

Tempat penginapan	rumah (pangsapuri, rumah...); tuan rumah, penjaga...; pindah rumah, sewa...
Gambaran	bilik (bilik air...); tingkat atas/tingkat bawah, di atas, dekat...; perabot (katil, kerusi...); peralatan (peti sejuk, ketuhar...); taman (rumput, bunga...); nyaman, selesa, luas...
Kejiraninan	pinggir bandar, luar bandar, ladang, bising...
Rutin	bangun, gosok gigi...; tepat/lewat...; hari dalam seminggu; pagi masa (petang, tengah malam...), tarikh..., selalu, kadang-kadang...
Tugas-tugas rumah	membantu, menyiapkan meja, menggosok pakaian...; menjaga binatang kesayangan (anjing...)
Jemputan	menjemput, menolak...; melawat; kad, e-mail; lapang/sibuk...
Ungkapan-ungkapan yang berguna	selamat datang, maafkan saya, bagaimana dengan...

## Pendidikan dan Kerja

### SEKOLAH

<b>Sekolah, pelajar dan guru</b>	sekolah menengah...; pelajar, tingkatan enam...; guru besar/pengetua, pengajar
<b>Kemudahan</b>	bilik darjah, padang permainan...
<b>Bahan di bilik darjah</b>	buku teks, pita rakaman...
<b>Komputer</b>	disk, tetikus...; memasang, memuat turun, internet, e-mail, faks
<b>Program akademik</b>	mata pelajaran (sistem environment...; istilah IB (Diploma, peringkat tinggi...); kerja rumah...; aktiviti dalam bilik darjah (mengeja, berbincang, menjelaskan...; perkataan, perenggan...); pendapat (menarik, berguna...); peperiksaan (lulus...); jadual waktu (pelajaran, masa rehat...))
<b>Program Kokurikulum</b>	Kelab (koir, memanjat...)
<b>Kalender Sekolah</b>	hari sukan, lawatan sekolah...
<b>Ungkapan-ungkapan yang berguna</b>	pada pendapat saya, sebaliknya, bertentangan dengan...

### RANCANGAN MASA DEPAN

<b>Pengajian</b>	mendaftar..., universiti, ijazah...; kerjaya..., matlamat..., kursus musim panas...
<b>Profesion</b>	wartawan, guru...
<b>Pekerjaan</b>	memohon, C.V.; menganggur, mendapat gaji...; syarat (sepenuh masa...); majikan, rakan sekerja... iklan pekerjaan.....
<b>Pengalaman kerja</b>	menjaga budak...

## Bandar dan Perkhidmatan

### MEMBELI-BELAH

Jenis kedai	kedai perkakasan, kedai mendandan rambut...; pasar, pusat membeli-belah, gerai...
Di kedai	bahagian, lif, bilik mencuba, keluar...; pelanggan, pengguna, pembantu jurujual...; tingkat satu/dua...; beg, troli; berharga, mencuba...
Ungkapan-ungkapan yang berguna	untuk dijual...; adakah ini termasuk cukai?

### PERKHIDMATAN AWAM DAN PERHUBUNGAN

Pengangkutan tempatan	bas; kereta api bawah tanah, tempat letak kereta, pas bas, jalan bas, jadual, mesin tiket, sah...
Di bank	wang, cek kembara, wang kertas, tempat tunai (masukkan kad...), kadar pertukaran, komisen...; menukar cek...
Di pejabat pos	setem, sampul surat...; menghantar..., mel udara; bungkusan; penghantaran khas...
Telefon	panggilan jauh, panggilan caj balikan, kod kawasan, bantuan buku panduan, telefon percuma...; mendail...

## Makanan dan Minuman

### MEMBELI-BELAH

Kedai makanan	kedai roti, kedai runcit, pasar raya...
Kedai barang-barang runcit	daging; ikan; buah-buahan, sayuran; minuman, kuantiti/banyak (tin, sikat, 1/3 kilogram...)

### MAKAN DI LUAR

Jenis restoran/kedai makan	kedai kopi, perkhidmatan bawa pulang...
Di restoran/kedai makan	menu, membuat tempahan, pelayan, tip...

### MAKANAN

Hidangan dan makanan	makanan ringan/kudapan, barbeku, bankuet, makan malam, jenis sajian (pizza, ayam panggang...); masin, lazat...
Resipi	bahan-bahan (tepung, gula...); perkakas (mangkuk, kuali...); cara (mengacau, mencair...)
Makan di rumah	pinggan, gelas, kutleri, (pisau, sudu-garpu...); menyiapkan meja...; garam, lada, sos tomato...
Diet	vegetarian, kosher..., kalori, pemakanan...
Hidangan istimewa	hidangan untuk perayaan (kek hari jadi...); hidangan kebangsaan (pai stik dan ginjal...)
Ungkapan-ungkapan yang berguna	jemput makan!...

## Masa senggang/Lapang dan perjalanan

### HOBI DAN MASA LAPANG

Hobi	mengumpul setem...; seronok...; membaca novel (pengarang, watak, bab, fiksyen sains/cerita rekaan sains...)
Media	TV (saluran, program, kartun...); akhbar (surat khabar, majalah mingguan, tajuk berita, makalah, langganan...)
Sukan	bola sepak...; pasukan; kalah..., berlatih; perlawanan...; penonton; peminat...
Hiburan	konsert, wayang, parti, pelakon, kumpulan pop, pameran...; bertanya, tiket...
Pendapat	bergerak, lucu, cemerlang...; benci, membosankan, suka...

### PERSEKITARAN TEMPATAN

Tempat	gereja, kolam renang, kawasan jalan kaki...
Arahan	bulatan, lebuh raya...; dekat, bertentangan, kiri...; membelok, melintas...
Ungkapan-ungkapan yang berguna	jauhnya seratus meter...

### MAKAN ANGIN DAN KEMBARA

Pengangkutan	tempahan (seorang, kelas dua...); jadual, sambungan..., konduktor, penumpang..., pejabat tiket, bagasi yang tertinggal...; berlepas, menukar... lapangan terbang, pasport, kastam...
Aktiviti	Pakej pelancongan, trekking, rombongan...; peristiwa tempatan...; melawat, berjemur diri, melawat tempat...
Pertanyaan percutian	pejabat penerangan pelancong, ejen pelancongan...; risalah, poster...; jadual..., destinasi...

### PENGINAPAN

Jenis penginapan	hotel, hostel, tapak perkhemahan...
Kemudahan dan tempahan	bilik kembar, jalan masuk kerusi roda, terdapatnya...; mendaftar masuk...
Peraturan	dilarang meletak kereta, dilarang merokok, senyap selepas...

# Alam persekitaran

## CUACA

**Keadaan cuaca** hujan, kabus...; ramalan cuaca; sangat sejuk, 20°...

**Iklim** sejuk...; tropika...

**Musim dan peristiwa setiap musim** musim bunga, musim buah, musim menuai, pertengahan, musim panas, musim kemarau, musim tengkujuh...

## GEOGRAFI FIZIKAL

**Ciri-ciri fizikal** gunung, pantai, gunung berapi, tebing tinggi...

**Negeri dan kawasan-kawasannya** utara...; ibu kota; daerah, bandar, luar bandar/desa...

## HAL-HAL ALAM SEKITAR

**Ekologi** pencemaran (hujan asid, sampah sarap...); kitar semula (bank botol...); sumber semula jadi (air, tenaga elektrik...)

**Isu dunia** spesies terancam, Bangsa-Bangsa Bersatu, perang...

## Kesihatan dan Kecemasan

### KESIHATAN FIZIKAL

Penyakit dan kecederaan	bahagian badan, pergelangan kaki terseliuh, batuk, sakit kepala...; sakit..., pembalut, plaster...; menyembuhkan...; sihat...
Temujanji	membuat, membatal...; klinik, X-ray...; doktor gigi, tampaian...
Ubat dan preskripsi	pil, krim, ahli kimia...; 3 titik, dua kali sehari, selepas makan...
Ungkapan-ungkapan yang berguna	harap cepat sembah, syukur!...

### KECEMASAN

Kecurian dan kehilangan	bentuk, saiz, penerangan...; polis, kedutaan, barang-barang hilang...; jenayah, laporan, insurans...
Kemalangan	ambulans, saksi, kebakaran, gempa bumi...; pertolongan cemas, mati lemas, menyelamatkan...
Pembaikan	rosak, kerosakan, perkhidmatan kecemasan...
Isyarat Awam	bahaya, dilarang masuk, kerja pembinaan sedang dijalankan...

# KOSA KATA 2

## Kata Nama:

<b>Kata Nama Am</b>	pelajar, guru, kucing, anjing...
<b>Nama Khas</b>	Malaysia, Singapura

## Kata Kerja:

### Kata Kerja Transitif

membaca	menghantar	menendang
menulis	menaiki	membuka...
memasak	mencuci	

### Kata Kerja tak Transitif

tidur	menyanyi	berjalan
pergi	berdua	bangun
menangis	berdiri	pulang...

## Kata Adjektif

baik	hodoh	masin...;
benci	jahat	merdu
berani	kasar	nipis...;
besar	kecil	pahit
biru...;	kelabu	pandai
bising	lama	panjang
bulat	lambat...;	pendek
bujur	lawa...;	putih
buruk	lazat	rendah
busuk	lemah...;	sayang...;
cantik	lemak	sedap
cepat	lembut	sihat
cerdik	leper	takut
comel	lewat	tanpan
garau...;	licin	tawar
gembira	lurus...;	tebal
halus	manis	tinggi
harum	masam	wangi...

### Kata Sendi Nama

antara	di	sampai
bagi	hingga	sejak
dalam	ke	seperti
dari	kepada	tentang
daripada	oleh	terhadap
dengan	pada	untuk...

### Kata penyambung ayat (untuk membentuk ayat majmuk):

#### Kata Hubung Gabungan

dan	serta	sambil
atau	lalu	kemudian...
tetapi	malahan	

#### Kata Hubung Pancangan

yang	semasa	kendatipun
bahawa	setelah	jika (lau)
untuk	ketika	sementara
agar	walaupun	sewaktu
sekiranya	kerana	tatkala
supaya	meskipun	sungguhpun...
andai kata	semoga	
hingga	kalau	

#### Kata Bantu

telah	mesti	hendak
pernah	dapat	harus
masih	sudah	boleh
belum	sedang	
mahu	akan	

#### Kata Arah

atas	tepi	timur
depan	tengah	barat
belakang	kiri	barat daya
dalam	kanan	tenggara
luar	utara	timur laut
bawah	selatan	barat laut...

## Kata Tanya

apa	yang mana	macam mana
siapa	daripada siapa	sampai bila
berapa	dari apa	hingga bila
bila	daripada apa	sejak bila
di mana	mengapa	dengan siapa
ke mana	kenapa	dengan apa
dari mana	bagaimana	kepada siapa...

## Kata Penguat

amat	paling	benar
sangat	agak	sungguh
terlalu	sekali	terlampau...

Kata Pemerintah

ialah adalah

Kata Nafi

tidak bukan

## Kata Keterangan Kekerapan

biasanya	kerap kali	sentiasa
jarang-jarang	sekali	sering
selalu	dua kali seminggu...;	tiap-tiap hari
kadang-kadang	sekali-sekala	setiap hari...

## Kata Keterangan Waktu

akhir-akhir ini	kebelakangan ini	pagi esok...;
baru-baru ini	keesokannya	sekarang
dahulu	kelmarin	sekejap lagi
dalam masa setahun lagi...;	lima minit lagi	selama dua jam...;
esok	lusa	semalam
hari ini	minggu lalu...;	sepanjang malam...;
hari berikutnya...;	minggu hadapan...;	

### Kata Bilangan

banyak	kesemua	sekalian
berapa	lebih kurang	segala
hampir semua	masing-masing	seluruh
kebanyakannya	perdua/tiga...;	semua
kedua	sebahagian	setengah
kedua-dua	sedikit	suku

### Penjodoh Bilangan

batang	helai	orang
biji	ekor	pasang...
buah	keping	

### Kata Ganda

adik-beradik	gotong-royong	riuh-rendah
anak-anak	kacau-bilau	sampah-sarap
beli-belah	kaya-rayu	saudara-mara
bengkang-bengkok	kelap-kelip	selok-belok
bukit-bukau	kuih-muih	serba-serbi
desas-desus	lalu-lalang	terus-menerus
gelap-gelita	lauk-pauk	warna-warni...
gerak-geri	mandi-manda	
gopoh-gapah	ramah-tamah	

### Kata Majmuk

adat resam	daya upaya	pinggan mangkuk
adik kakak	hutan rimba	sopan santun
asal usul	ibu bapa	tunjuk ajar
belas kasihan	lemah lembut	yatim piatu...
campur aduk	pantang larang	

### Simpulan Bahasa

ambil berat	jatuh hati	meninggal dunia
buah hati	kaki ayam	minta diri
besar hati	keras kepala	patah hati
buah tangan	khabar angin	pembasuh mulut
busuk hati	kecil hati	rendah diri
campur tangan	makan angin	tahi lalat
geli hati	malu-malu kucing	teman hidup...
harga mati	mata air	

# SUKATAN TATABAHASA

---

Dalam pengajaran tatabahasa, guru boleh menggunakan aspek-aspek yang difikirkan wajar daripada senarai tatabahasa yang berikut:

## Morfologi

Bidang ini meliputi aspek golongan kata dan pembentukan kata. Aspek-aspek tersebut termasuklah:

### Golongan Kata

#### Kata Nama

- kata nama am  
contoh: *mahasiswa, kambing, bas...*
- kata nama khas  
contoh: *John, Kuala Lumpur, Rumah Persekutuan...*
- kata ganti nama  
contoh: *saya, mereka, anda, kami...*

#### Kata Kerja

- kata kerja transitif  
contoh: *membeli, makan, mengambil...*
- kata kerja tak transitif  
contoh: *bangun, berjalan, tersenyum...*

#### Kata Adjektif

- contoh: *tinggi, berani, merah, lurus...*
- kata adjektif dengan penguat  
contoh: *amat indah, sangat cantik*
- kata adjektif dalam bentuk perbandingan
- se + kata adjektif  
contoh: *setinggi, sebesar, sepadai*
- sama (+) kata adjektif + dengan  
contoh: *sama besar dengan  
sama pandai dengan*

- lebih (+) kata adjektif + daripada:  
contoh: *lebih pandai daripada abangnya  
lebih cantik daripada kakaknya*
- ter + kata adjektif  
contoh: *terpandai, tertinggi...*
- paling + kata adjektif  
contoh: *paling, pandai, paling tinggi...*

### Kata Sendi Nama

contoh: *di, ke, daripada, dari...*

### Kata Sendi Nama + Kata Arah

contoh: *di hadapan, di belakang, ke kanan...*

### Kata Penyambung Ayat (untuk membentuk ayat majmuk)

- kata hubung gabungan  
contoh: *dan, atau, sambil...*
- kata hubung pancangan  
contoh: *yang, bahawa, sebab, jikalau*

### Kata Bantu

contoh: *sudah, belum, akan...*

### Kata Arah

contoh: *atas, depan, belakang...*

### Kata Tanya

contoh: *apa, siapa, berapa, bila...*

### Kata Bilangan

contoh: *satu, dua, beberapa, sesetengah...*

### Penjodoh Bilangan

contoh: *orang, ekor, buah, biji...*

## Pembentukan Kata

Kata-kata dalam bahasa Melayu dibentuk melalui proses pengimbuhan, penggandaan dan pemajmukan. Pelajar-pelajar perlu diperkenalkan dan dilatih menggunakan ketiga-tiga bentuk kata ini dalam komunikasi sehari-hari mereka.

### Imbuhan

- awalan: *ber-, me-, di-, ter-, pe-...*
- akhiran: *-i, -kan, -an (tidak perlu mendalam)*
- apitan (awalan +akhiran):  
*ke-an, per-an, pe-an, me-kan, me-i (tidak perlu mandalam)*

### Pergandaan

- pergandaan penuh  
contoh: *guru-guru, mata-mata, makan-makan, cantik-cantik...*
- pergandaan separa  
contoh: *lelaki, lelangit, rerambut...*
- pergandaan berentak  
contoh: *kuih-muih, bukit-bukau, saudara-mara...*

### Kata Majmuk

- contoh: *terima kasih, tengah hari, Perdana Menteri, mata pelajaran, kaki ayam, olahraga, matahari...*

## Sintaksis

Sintaksis meliputi hal-hal perkataan untuk membina frasa dan ayat. Antara aspek-aspek sintaksis yang ditekankan dalam sukan tatabahaa ini ialah; pola ayat dasar, jenis ayat, ayat aktif dan ayat pasif dan ayat nafi.

### Pola Ayat Dasar

Frasa nama dan frasa nama (FN + FN)

contoh:

*Pegawai itu anak Encik Ahmad.  
Kuala Lumpur ibu negara Malaysia.*

Frasa nama dan frasa kerja (FN + FK)

contoh:

*Kanak-kanak itu berenang.  
Pegawai itu menyampaikan maklumat.  
Emak memotong buah epal dengan pisau.*

Frasa nama dan frasa adjektif (FN + FA)

contoh:

*Gadis itu sangat rajin.  
Adik saya sihat.*

Frasa nama dan frasa sendi nama (FN + FS)

contoh:

*Pejabat saya di Kuala Lumpur.  
Keluarga kami dari Melaka.*

### Jenis Ayat

- ayat penyata

contoh:

*Pemandangan itu sungguh cantik.  
Surat itu di atas meja.  
Mereka sedang berbual-bual.*

- ayat tanya

- ayat tanya tanpa kata tanya

contoh:

*Abang kamu pemain bola?  
Adik tidur?*

- ayat tanya dengan kata tanya

contoh:

*Benda itu apa?  
Kawan dia mana?*

### Ayat Perintah

- ayat suruhan

contoh:

*Baca buku itu sekarang.  
Engkau tunggulah dia di sini.*

- ayat larangan

contoh:

*Jangan duduk di sini.  
Janganlah beritahu dia.*

- ayat silaan  
contoh:
- ayat permintaan  
contoh:

*Sila datang ke rumah saya.  
Jemputlah masuk*

*Tolong benarkan kami masuk.  
Minta tuan-tuan jelaskan yuran persatuan*

## Ayat Seruan

- contoh:

*Amboi, garangnya!  
Wah, besarnya kereta abang!*

## Ayat Aktif dan Ayat Pasif

- ayat Aktif Transitif  
contoh:
- ayat Aktif Tak Transitif  
contoh:

*Murid-murid itu mendengar nasihat guru mereka.  
Guru Besar menyampaikan hadiah kepada  
pemenang pertandingan itu.*

*Hamid dan rakan-rakannya sedang berbual.  
Keluarga kami akan pulang ke kampung.*

## Ayat Pasif

- contoh:

*Barang-barang itu sudah diambil oleh Mary  
semalam.  
Tembok itu terlanggar oleh lori.*

## Ayat Nafi

- ayat nafi dengan kata nafi bukan  
contoh:
- ayat nafi dengan kata nafi tidak  
contoh:

*Itu bukan sekolahnya.  
Ini bukan beg saya.*

*Mereka tidak datang semalam.  
Dia tidak menjemput saya.*

# ISU KHUSUS BAHASA

---

Perkara berikut perlu diberi perhatian dalam pengajaran aspek tatabahasa:

- Pelajar-pelajar perlu dilatih untuk memahami makna kata, frasa serta maksud ayat dan simpulan bahasa dalam konteks.
- Pelajar-pelajar perlu berlatih membina ayat yang lengkap bagi menjawab soalan pemahaman.
- Aspek tatabahasa diajar secara sepadu dengan kemahiran-kemahiran bahasa (mendengar bertutur, membaca dan menulis).
- Aspek tatabahasa yang diajar mestilah bertitik tolak daripada bahan rangsangan.
- Guru perlu memberi perhatian kepada aspek tatabahasa yang menimbulkan kekeliruan di kalangan pelajar. Contohnya penggunaan “di” sebagai sendi nama dan “di” sebagai imbuhan.
- Pengajaran tatabahasa mestilah menitikberatkan makna dan penggunaan dalam konteks.
- Dalam pengajaran tatabahasa, guru perlu memberikan contoh-contoh dan latihan-latihan yang dapat menunjukkan penggunaan yang tepat dan bermakna.
- Pelajar-pelajar perlu banyak berlatih membina ayat-ayat yang berkait dalam perenggan bagi menghasilkan penulisan tentang sesuatu tajuk.

# ARAHAN PEPERIKSAAN

---

Berikut adalah arahan-arahan utama yang digunakan dalam peperiksaan Malay *ab initio*. Sila beri perhatian bahawa arahan-arahan ini hanya petunjuk. Ia bukanlah senarai yang lengkap dan boleh diubahsuai mengikut keperluan.

- Pilih A, B, C dan D. Tulis huruf dalam kotak yang diberi.
- Pernyataan yang berikut adalah Betul (B) atau Salah (S). Tandakan (/) pada jawapan yang tepat.
- Lihat maklumat yang diberi. Tandakan (B) pada jawapan yang betul dan (S) pada jawapan yang salah.
- Jawab soalan berikut secara ringkas.
- Lengkapkan ayat berpandukan teks.
- Lengkapkan ayat dengan rangkai kata yang diberi.
- Lengkapkan carta yang berikut dengan jawapan atau soalan yang sesuai.
- Dengan menggunakan maklumat dalam teks, bulatkan jawapan yang tepat bagi melengkapkan ayat yang diberi.
- Kenal pasti perenggan dalam teks yang boleh didapati maklumat yang berikut.
- Berpandukan maklumat dalam teks, padankan ayat-ayat yang sesuai dengan gambar di bawah. Tulis huruf-huruf jawapan dalam kotak.
- Gambar-gambar yang berikut meringkaskan teks. Pilih jawapan yang sesuai dengan setiap perenggan.
- Teks yang berikut adalah satu temuduga tetapi soalannya tidak diberi. Pilih lima soalan temuduga tersebut daripada senarai di bawah.
- Padankan perkataan-perkataan dalam teks yang terdapat dalam senarai di sebelah kanan dengan perkataan yang sama erti di sebelah kiri.

**PERHATIAN:** Terdapat lebih banyak perkataan dalam senarai di sebelah kanan daripada perkataan di sebelah kiri.

- Berpandukan maklumat dalam teks, pilih dan padankan makna dalam senarai A dengan perkataan dalam senarai B.
- Sila baca teks. Isikan tempat kosong dengan perkataan yang sesuai.
- Pilih perkataan yang diberi untuk mengisi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.
- Pilih 4 ayat yang dapat meringkaskan maksud perenggan xxxx.
- Nyatakan bahagian teks yang manakah petikan ini diambil.
- Baca arahan yang berikut dan lukis peta untuk menunjukkan jalan yang perlu diikuti.
- Sila jawab sama ada soalan 1 atau 2 (minimum 60 perkataan)
- Sila jawab salah satu soalan berikut ( minimum 120 perkataan)